

Terms & Conditions

AmBank Junior Savings Campaign

1 Definition

1.1 For the purpose of these Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:

"Bank" refers to AmBank Berhad (Company No: 8515-D) or AmBank Islamic Berhad (Company No: 295576-U), and having its registered address at Level 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"AmBank Group" refers to all the Related Corporations and Associate Corporations of the Bank whether incorporated inside or outside Malaysia, existing now or in the future and reference to 'AmBank Group' in these terms and conditions herein, shall include all or any entity within the AmBank Group.

"Day" means Monday to Friday, and whereby the registered office of the Bank is open, unless stated otherwise.

"Prior Notice" means notice by the Bank of certain facts or of a particular state of affairs of at least three (3) calendar days.

"Junior Savings Account" under this campaign refers to Savers' G.A.N.G. Account, Savers' G.A.N.G. Account-i and AmGenius Account (eligible for protection by PIDM), which are the products offered under this campaign. This is a Trust account opening.

"Retail Banking" in this campaign refers to consumer banking that caters for individual customers.

"Retail Individual Customers" refers to individual customers of AmBank/AmBank Islamic under Retail Banking.

Words denoting person shall include living persons and, if and where applicable, body or persons incorporated or unincorporated. Words importing the singular shall also include the plural and vice-versa. Words importing the masculine gender shall include the feminine and neuter gender.

"Campaign/Promotion" refers to "AmBank Junior Savings Campaign" organised by the Bank in accordance with the terms and conditions stipulated herein.

1.2 The term "Associate Corporations" shall have the same meaning assigned to it under Section 2(1) of the Financial Services Act 2013 or the Islamic Financial Services Act 2013, where applicable. The term "Related Corporations" shall have the same meaning assigned to it under Section 7 of the Companies Act 2016.

2 Campaign Period

2.1 The Campaign shall **commence on 18 June 2018 and end on 30 September 2018** (both dates are inclusive ("Campaign Period")). The Bank reserves the right to vary or amend the duration of the Campaign Period at its sole and absolute discretion with Prior Notice.

3 Eligibility

3.1 The Campaign is open to all NEW Retail Individual Customers only ("Eligible Customer") who opens a Junior Savings Account and place a minimum initial deposit of RM100 (One Hundred Ringgit Malaysia) into the said account with the bank during the account opening.

3.2 The eligible products under this Campaign are Savers G.A.N.G., Savers G.A.N.G.-i and AmGenius Account (eligible for protection by PIDM).

3.3 Employees of the AmBank Group and their immediate family members (spouses, children and parents) are eligible to participate in this Campaign.

Terms & Conditions
AmBank Junior Savings Campaign

4 Account Opening Offer

4.1 This Campaign is available for placement made over the counter only at any AmBank or AmBank Islamic branches in Malaysia, and the Account Opening Offer are as specified in the table below:

Minimum Initial Deposit	Account Opening Offer
RM100	1 unit of Coin Box

- 4.2 Eligible Customer(s) must place a minimum initial deposit amount to the product type as stipulated in clause 3 and must not be less than the minimal initial deposit as stipulated in clause 4.1 in order to get ONE (1) unit of Coin Box.
- 4.3 Eligible Customer(s) must place the initial deposit by cash on the same day of account opening date.
- 4.4 Each Eligible Customer is only entitled to a maximum of one (1) unit of Coin Box per account opened under customer(s) name.
- 4.5 The Coin Box is redeemable at the account opening branch upon the successful account opening as stipulated in campaign terms and conditions.
- 4.6 The Bank will not entertain any request from the Eligible Customer(s) to exchange the gift with cash or any negotiation to obtain more than one (1) unit of Coin Box.
- 4.7 The Coin Box is redeemable based on first come first serve basis subject to 6,000 units fully redeemed or subject to branch's Coin Box stock availability.

5 General

- 5.1 By participating in this Campaign, the Eligible Customer(s) and/or any party related herein consent and agree to be bound by the terms and conditions herein, to be read together with:
- (a) The General Terms and Conditions for Accounts and Services;
 - (b) Specific Terms and Conditions for Commodity Murabahah-Based Current Account-i / Savings Account-i;
 - (c) Specific Terms and Conditions for Savers' G.A.N.G.;
- 5.2 The Campaign offer is not valid with any other promotions of the Bank. No other special, additional or preferential rates shall be given under the Promotion.
- 5.3 The Bank shall have, at any time, the right and absolute discretion to cancel, terminate or suspend this Promotion with Prior Notice without assigning any reason.
- 5.4 The Bank shall have the right and absolute discretion to vary, amend, delete or add to any of the terms and conditions set out herein, in whole or in any part from time to time including to vary the Campaign Period as it deems fit, necessary and appropriate with Prior Notice.
- 5.5 Any notice to be given by the Bank shall be posted in the Bank's official website at www.ambank.com.my or its branches, and any such notice shall be deemed given when so posted at its official website or its branches, whichever is earlier.
- 5.6 The Bank shall have the absolute right to cancel the participation of or disqualify any Eligible Customer from participating in the Promotion if it finds or determines that:
- (a) The said Eligible Customer has provided untrue information or acted fraudulently or wrongfully in any manner during the entry process or throughout the Promotion Period; or
 - (b) The Eligible Customer has breached or potentially breached the terms and conditions herein.
- 5.7 Unless expressly stated otherwise, these terms and conditions shall prevail over any other provisions and/or representations contained in any other notices/promotion/advertising materials for the Promotion.
- 5.8 The Bank's decision on all matters relating to the eligibility of the Campaign shall be final and binding on all the participating Eligible Customer.

Terms & Conditions
AmBank Junior Savings Campaign

- 5.9 Under no circumstances will the Bank be held liable for any loss or damages, including without limitation to loss of income, profits, goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties, howsoever arising whether in contract, tort, negligence or otherwise, borne in connection with the Promotion or the Bank having exercised its rights and entitlement under any of these terms and conditions, and even if the Bank having exercised its rights and entitlement under any of these terms & conditions, and even if the Bank has been advised of the possibility of such damages in advance, all such damages are expressly excluded.
- 5.10 The Bank shall not be liable for any default in respect of the Promotion due to any act of god, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, technical or system failures or any event beyond the reasonable control of the Bank.
- 5.11 All terms and conditions stipulated herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.
- 5.12 The Eligible Customer is required to log on to the Bank's corporate website for promotion updates at <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> for the latest terms & conditions, if any.

Terma & Syarat

Kempen AmBank Penyimpan Kanak-kanak

1 Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

"Bank" merujuk kepada AmBank Berhad (No Syarikat: 8515-D) dan AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat: 295576-U), dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"Kumpulan AmBank" merujuk kepada semua Syarikat dan Syarikat Bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan terhadap 'Kumpulan AmBank' dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

"Hari" bermaksud Isnin hingga Jumaat dan pada bila-bila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

"Notis Terdahulu" bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta-fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar.

"Akaun Simpanan Kanak-kanak" merujuk kepada Akaun Penyimpan G.A.N.G., Akaun Penyimpan G.A.N.G.-i dan Akaun Penyimpan AmGenius (layak untuk perlindungan oleh PIDM) adalah produk yang ditawarkan di bawah kempen ini. Ini adalah pembukaan akaun amanah.

"Perbankan Runcit" merujuk kepada perbankan konsumen untuk pelanggan individu dan pelanggan bukan individu.

"Pelanggan Runcit Individu" merujuk kepada pelanggan individu AmBank/AmBank Islamic daripada Perbankan Runcit.

Perkataan yang menggambarkan individu adalah merangkumi mereka yang masih hidup, dan sekiranya dan di mana berkenaan, pertubuhan atau mereka yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang membawa maksud singular juga akan merangkumi maksud jamak dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki akan merangkumi jantina perempuan dan jantina neuter.

"Kempen/Promosi" merujuk kepada "Kempen AmBank Penyimpan Kanak-kanak" yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

- 1.2 Istilah "Perbadanan Bersekutu" mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan. Istilah "Syarikat Yang Berkaitan" pula mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

2 Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen akan **bermula pada 18 Jun 2018 dan tamat pada 30 September 2018** (merangkumi kedua-dua tarikh. Pihak Bank berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen atas budi bicara mutlaknya dengan memberikan Notis Awal.

3 Kelayakan

- 3.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Runcit Individu baharu ("Pelanggan Yang Layak") yang membuka Akaun Penyimpan Kanak-kanak dan membuat deposit permulaan sebanyak minimum RM100 (Seratus Ringgit Malaysia) ke dalam akaun tersebut dengan Bank semasa pembukaan akaun.
- 3.2 Kempen ini terbuka untuk Akaun Penyimpan G.A.N.G., Akaun Penyimpan G.A.N.G.-i dan Akaun Penyimpan AmGenius (layak untuk perlindungan oleh PIDM).
- 3.3 Kakitangan Kumpulan AmBank dan ahli keluarga terdekat mereka (suami, isteri, anak-anak dan ibu bapa) juga layak untuk menyertai Kempen ini.

Terma & Syarat
Kempen AmBank Penyimpan Kanak-kanak

4 Tawaran Pembukaan Akaun

- 4.1 Kempen ini boleh didapati untuk penempatan yang dibuat di kaunter sahaja di mana-mana cawangan AmBank/AmBank Islamic di Malaysia, tawaran pembukaan akaun adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Deposit Permulaan Minimum	Tawaran Pembukaan
RM100	1 unit Kotak Syiling

- 4.2 Pelanggan yang Layak mesti membuat deposit permulaan yang ditetapkan dalam klausa 4.1. untuk mendapat SATU (1) unit Kotak Syiling.
- 4.3 Pelanggan yang Layak mesti meletakkan deposit awal secara tunai pada hari pembukaan akaun pada hari yang sama.
- 4.4 Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak mendapat maksimum satu (1) unit Kotak Syiling untuk / bagi setiap akaun yang dibuka di bawah nama pelanggan. Berhubung dengan akaun bersama, hanya pemegang akaun pertama bernama i.e. pemegang akaun utama layak untuk menyertai Kempen.
- 4.5 Kotak Syiling boleh ditebus di cawangan pembukaan akaun apabila pembukaan akaun yang berjaya seperti yang termaktub dalam terma dan syarat kempen.
- 4.6 Bank tidak akan melayan apa-apa permintaan Pelanggan yang Layak untuk menukar hadiah dengan wang tunai atau apa-apa rundingan untuk mendapatkan lebih daripada satu (1) unit Kotak Syiling.
- 4.7 Kotak Syiling boleh ditebus berdasarkan asas pertama yang diberikan kepada 6,000 unit yang ditebus sepenuhnya atau tertakluk kepada ketersediaan stok Kotak Syiling cawangan.

5 Umum

- 5.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dan/atau mana-mana pihak yang dinyatakan di sini memberi kebenaran dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini, untuk dibaca bersama dengan:
- (a) Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan;
 - (b) Terma dan Syarat Khusus Bagi Akaun Semasa-i/ Akaun Simpanan-i Berasaskan Komoditi Murabahah;
 - (c) Terma dan Syarat Khusus untuk Akaun Penyimpan G.A.N.G.;
- 5.2 Tawaran Kempen adalah tidak sah dengan mana-mana promosi lain yang ditawarkan oleh Bank. Tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain yang boleh diberikan di bawah Promosi ini melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh Bank.
- 5.3 Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini dengan memberikan Notis Awal tanpa perlu memberikan sebarang alasan.
- 5.4 Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan secara khusus di dalam ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari masa ke semasa termasuk mengubah Tempoh Promosi ini seperti yang difikirkan padan, perlu dan sesuai dengan memberikan Notis Awal.
- 5.5 Sebarang notis yang dikeluarkan oleh Bank akan dipaparkan di laman web rasmi Bank di www.ambank.com.my atau di cawangannya, dan notis berkenaan hendaklah disifatkan sebagai telah diberikan apabila dipaparkan di laman web rasmi atau di cawangannya, yang mana lebih awal.
- 5.6 Bank mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan atau kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak daripada mengambil bahagian dalam Promosi sekiranya ia mendapati atau memutuskan bahawa:

Terma & Syarat
Kempen AmBank Penyimpan Kanak-kanak

- a) Pelanggan Yang Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau melakukan penipuan atau kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses penyertaan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau
 - b) Pelanggan Yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat ini.
- 5.7 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau perwakilan yang terkandung dalam mana-mana notis /promosi/bahan pengiklanan lain untuk Promosi ini.
- 5.8 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan Yang Layak yang mengambil bahagian.
- 5.9 Tidak dalam mana-mana keadaan pun pihak Bank harus dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan, termasuklah tanpa had kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, kerosakan punitif atau khas bagi mana-mana pihak termasuklah pihak ketiga, walau bagaimana cara sekalipun ia timbul sama ada dalam kontrak, tort, kelalaian atau sebaliknya, berhubung dengan penyertaan di dalam Promosi ini atau setelah pihak Bank melaksanakan haknya di bawah terma & syarat ini, walaupun pihak Bank telah dinasihati tentang kemungkinan berlakunya kerugian sedemikian terlebih dahulu, semua kerugian sedemikian secara jelas dikecualikan.
- 5.10 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaran berkaitan dengan Promosi ini disebabkan oleh sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa di luar kawalan munasabah Bank.
- 5.11 Semua terma dan syarat yang ditetapkan di sini akan ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.
- 5.12 Pelanggan Yang Layak dikehendaki melayari laman web korporat Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk versi terkini terma & syarat ini, sekiranya ada.